**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| - Menteri Sertai Operasi Gempur Kilang Haram | 24 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - Makin gusar, Sungai tercemar | 26 |
| - Dengarlah rintihan kami | 44 |
| **Star Metro** | |
| - Time For Strener Action | 6 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 12 JULAI 2019 (JUMAAT) | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Menteri Sertai Operasi Gempur Kilang Haram |
| Muka Surat | 24 |





***Bee Yin bersama kakitangan JAS dan MPPG*** *dalam operasi bersepadu gempur kilang haram di Pasir Gudang, semalam.* (Ihsan Facebook JAS)

# Menteri sertai operasi gempur kilang haram

BH 12/7/19 ms 24

## MPPG, JAS sita premis di Pasir Gudang

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Operasi bersepadu menggempur kilang haram di Pasir Gudang, semalam turut disertai Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Menerusi entri dimuat naik dalam laman Facebook Jabatan Alam Sekitar (JAS), operasi bersepadu itu membabitkan dua agensi, iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor.

Turut dimuat naik beberapa gambar yang turut menunjukkan kilang haram yang disita selain keadaan dalam premis yang kotor dan tidak tersusun.

Dalam kenyataan itu memaklumkan, MPPG menyita beberapa kilang haram dan diarah henti operasi sebelum tindakan seterusnya mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik ke kilang berkenaan.

Kenyataan itu turut memaklumkan fokus operasi pemeriksaan dilakukan adalah terhadap kilang haram yang tiada lesen perniagaan.

Semalam *BH* melaporkan sebanyak lapan lagi kilang dalam kawasan perindustrian di sini, digempur dalam operasi bersepadu, malam Selasa lalu menjadikan keseluruhan 237 premis sudah diperiksa sehingga pagi kelmarin.

Pengarah JAS negeri, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata daripada lapan kilang diperiksa, dua kompaun dikeluarkan membabitkan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



***Keadaan premis kotor*** *dan tidak tersusun.*

Katanya, sebuah kilang juga dikenakan notis daripada MPPG kerana beroperasi tanpa lesen.

Daripada 237 kilang sudah diperiksa, sebanyak 132 kompaun, 55 Notis Arahan dan 11 Perintah Tahan Operasi dikeluarkan selain tiga premis disyor tindakan mahkamah.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>12 JULAI 2019 (JUMAAT) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Dengarla Rintihan Kami |
| Muka Surat | 44 |



# 'Dengarlah rintihan kami'

um 12/7/19 ms 44

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

Rintihan RAKYAT

■ SHAH ALAM 11 JULAI

BANTAHAN sudah dikemukakan baik secara bertulis kepada pihak berwajib dan pemimpin politik serta hebahan melalui media tetapi nampaknya tidak dipedulikan apabila Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tetap berkeras mahu melaksanakan caj 50 sen sejam untuk parkir kereta.



MOHD. HANIF



KHAIRUL ANNUAR

Malah, rayuan penduduk agar kadar berkenaan dikurangkan kepada 30 sen atau 40 sen sejam juga ditolak oleh MDKS atas alasan ia tidak lagi relevan dengan kadar semasa, walaupun penduduk memaklumkan rata-rata masyarakat yang menetap di daerah Kuala Selangor adalah golongan berpendapatan rendah.

Cuma, MDKS memaklumkan pihaknya bersetuju menunda tarikh penguatkuasaan caj tersebut kepada mulai 1 September dengan melibatkan 6,090 petak parkir.

Namun, jawapan itu tidak menggembirakan penduduk kerana beranggapan ia masih lagi membebankan dan kini harapan mereka hanya kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan isu berkenaan dengan mengambil kira keluhan serta rintihan rakyat.



SEBAHAGIAN daripada kawasan parkir di Puncak Alam dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) yang akan dikenakan caj 50 sejam mulai 1 September ini.

Pengerusi Permuafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam, **Mohd. Hanif Md. Sultan** berkata, sebahagian besar daripada parkir yang bakal dikenakan caj tersebut terletak di kawasan penempatan di Puncak Alam dan pihaknya kecewa kerana MDKS langsung tidak berbincang terlebih dahulu dengan penduduk.

"Soal tangguh dan rayuan kami ditolak itu satu hal tetapi kenapa tidak duduk berbincang dengan kami penduduk terlebih dahulu. Sedangkan dalam isu lain, boleh pula MDKS meminta pandangan daripada kami. Kenapa begitu tergesa-gesa dan langsung pandangan daripada penduduk ini ditolak mentah-mentah?

"Ini tidak adil dan MDKS kena sedar zaman sekarang, apa juga keputusan yang hendak dibuat perlu mengambil kira pandangan rakyat kerana dalam isu ini, kami adalah pemegang taruh, kami yang membayar tetapi soalnya apakah perkhidmatan itu setanding dengan caj dikenakan," soalnya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk Zon 8, Saujana Utama, **Khairul Annuar Jalaluddin** pula berkata, MDKS perlu mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai terlebih dahulu jika mahu mengenakan caj tempat meletak kereta setinggi 50 sejam.

